

11 OCT 1998

Sabbaruddin-Promosi

KERAJAAN SETUJU PROMOSI PELANCONGAN DIPERHEBATKAN

SEREMBAN, 11 Okt (Bernama) -- Promosi pelancongan di seluruh negara akan diperhebatkan mulai tahun depan, dalam usaha merancakkan semula sektor pelancongan negara.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik berkata, sehubungan itu peruntukan di setiap negeri akan ditambah bagi tujuan itu.

"Keputusan mengenainya dicapai dalam mesyuarat jemaah menteri minggu lepas dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju supaya diperbanyakkan promosi pelancongan di seluruh negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pelancaran Tahun Melawat Negeri Sembilan '99 (TMNS'99) di Dewan Majlis Perbandaran Seremban di sini, malam tadi.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan isteri Puan Sri Hazizah Tumin, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Datuk Hamdan Mohamad, anggota Exco kerajaan negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufik.

Sabbaruddin bagaimanapun tidak menyatakan jumlah pertambahan peruntukan berkenaan.

Katanya, usaha untuk menggerakkan semula sektor pelancongan adalah perlu berikutan pengurangan 13 peratus bilangan pelancong ke negara ini, berdasarkan perbandingan tahun 1997 dengan tahun sebelumnya.

Menurutnya, sebanyak 6.2 juta pelancong melawat ke negara ini pada tahun lepas berbanding 7.1 juta pada tahun 1996.

Mengenai TMNS'99 beliau berkata, negeri ini berpotensi untuk menarik lebih ramai pelancong kerana keunikan budaya dan tempat-tempat menarik yang banyak terdapat di negeri ini.

Menteri Besar pula berkata beliau yakin pelancong akan terus datang ke negeri ini.

Sebanyak 52 produk pelancongan dan 51 acara telah disiapkan bagi memeriahkan sambutan TMNS'99.

Pada majlis itu turut diperkenalkan ialah lagu tema TMNS'99 nyanyian penyanyi terkenal Aisyah, dan kerbau sebagai maskot TMNS'99.

Majlis malam tadi turut diserikan dengan persembahan kesenian Negeri Sembilan, seperti Cak Lempung, Dikir Rebana, Tumbuk Kalang dan Bongai. --

BERNAMA

RP RI